

→ SUKAN



(FOTO ABDULLAH YUSOF BH)

Fakta
nombor

20,000
ACARA
disediakan sempena
Hari Sukan Negara

Khairy (tiga kiri) bersama atlet serta penyampai radio Hot FM selepas ditemu ramah sempena program Hari Sukan Negara, semalam.

7 juta rakyat sertai Hari Sukan Negara

➔ Ambil bahagian dalam 20,000 acara yang disediakan di seluruh negara

Oleh Baharom Bakar
bhsukan@bh.com.my

► Kuala Nerus

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan merasmikan Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat Kebangsaan di Persiaran Perdana Putrajaya, esok. Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, lebih 30,000 rakyat termasuk pelajar akan menyertai pelbagai aktiviti sukan dan riadah dalam HSN yang diraikan secara serentak di seluruh negara pada

hari berkenaan.

Beliau berkata, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta menteri kabinet dijangka menyertai senamrobik sebelum melancarkan program HSN peringkat kebangsaan.

"Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyasarkan lebih tujuh juta rakyat termasuk belia menyertai HSN di seluruh negara.

Budaya hidup

"Setakat ini, Urusetia Rakan Muda dan KBS sudah menerima pendaftaran lebih enam juta rakyat untuk mengambil bahagi-

an dalam 20,000 acara yang disediakan sempena HSN di seluruh negara.

"Tahun lalu hanya lima juta penduduk di seluruh negara mengambil bahagian dalam 15,000 acara termasuk sukan rakyat dan pelbagai aktiviti lasak," katanya ketika ditemui pada Majlis Kampus Rakan Muda di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini, semalam.

HSN adalah suatu inisiatif KBS yang bertujuan untuk merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang sentiasa ber-

sukan sehingga ia menjadi budaya hidup mereka.

Mengenai program rakan muda jelajah kampus anjuran bersama KBS dan Majlis Belia Malaysia (MBM), Khairy berkata, sebanyak enam universiti di seluruh negara dipilih untuk mengadakan program itu.

Katanya, setakat ini tiga iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan UniSZA selesai menganjurkan program yang bertujuan mengetengahkan bidang digemari golongan belia terutama mahasiswa.